

MENGAPAKAH TUHAN YANG BAIK MENGIZINKAN PENDERITAAN?

KANDUNGAN

Jawapan Yang
Sukar Difahami 2

Mengapakah Tuhan
Yang Baik Mengizinkan
Penderitaan? 4

*Untuk
Menyedarkan Kita. 5*

*Untuk
Memimpin Kita. 17*

*Untuk
Membentuk Kita. 24*

*Untuk
Menyatukan Kita 30*

Bagaimanakah Anda
Dapat Menolong? 35

Jawapan yang
lebih memuaskan. 38

Buku Asli: "Why Would A Good God
Allow Suffering?"
Reka Bentuk Kulit: Alex Soh
Petikan Alkitab daripada Alkitab Berita
Baik, © 1996 Bible Society of Malaysia.
Hak Cipta Terpelihara.
© 2010, 2020 ODB Ministries,
Grand Rapids, Michigan.
Dicetak di Malaysia.

Ini soalan lama. Empat ribu tahun lalu, seorang mangsa yang mengalami masalah peribadi, keluarga dan kewangan telah berseru, "Adilkah Engkau bersikap sekejam ini, menghina ciptaan-Mu sendiri?" (Ayub 10:2-3). Soalan ini masih ditanya pada hari ini. "Adakah Tuhan membenci aku? Itulah sebabnya Dia membenarkan aku menderita? Mengapa aku dan bukan orang lain?"

Jawapannya ada. Meskipun tidak lengkap, tetapi cukup memberi kita pandangan yang betul tentang penderitaan, dan sanggup menghasilkan yang baik dalam diri kita. Seterusnya buku ini menunjukkan bahawa walaupun syurga tidak semestinya menjawab segala soalan kita, ia memberi kita segala jawapan yang kita perlukan supaya terus percaya dan mengasihi Tuhan, yang memanggil kita mendekatinya semasa kita mengalami penderitaan.

Martin R. De Haan II

JAWAPAN YANG SUKAR DIFAHAMI

Kehidupan sukar difahami. Semasa kita cuba mengerti kehidupan kita yang susah, kita mudah kecewa. Kita amat menginginkan jawapan bagi penderitaan kita. Sampai bila-bila pun kita mungkin tidak dapat memahami dengan sepenuhnya mengapa hal-hal buruk berlaku kepada orang baik dan hal-hal baik pula berlaku kepada orang jahat. Jawapannya sering kelihatan sukar difahami, tersembunyi, dan tidak tercapai.

Ya, kita sedia maklum jika seorang pengganas terbunuh oleh bomnya sendiri. Kita faham juga apabila seorang pemandu cuai terlibat dalam kemalangan yang teruk. Tidak hairan kalau seseorang yang bermain dengan api terbakar. Bahkan kita tidak terkejut jika perokok menghidap barah paru-paru.

Tetapi bagaimana pula dengan orang yang terbunuh oleh bom pengganas? Bagaimana dengan pemandu muda yang mengalami kecederaan otak yang parah kerana pemandu mabuk telah tiba-tiba membelok ke garisan tengah? Bagaimana dengan rumah seseorang terbakar tetapi itu bukan salahnya? Bagaimana pula dengan anak berumur 2 tahun yang menghidap penyakit leukemia?

Memang berbahaya, bahkan bodoh, untuk berpura-pura bahawa kita mempunyai jawapan yang lengkap tentang sebabnya Tuhan mengizinkan penderitaan. Penyebabnya banyak dan rumit. Jika kita menuntut agar faham semuanya, kita juga salah. Ketika Ayub, seorang yang menderita dalam Perjanjian Lama menyedari bahawa dia tiada hak untuk menuntut jawapan daripada Tuhan, dia berkata, "Engkau bertanya sebabnya aku berani mempersoalkan hikmat-Mu,

padahal aku tidak tahu apa-apa. Aku bercakap tentang perkara yang tidak aku mengerti, mengenai hal-hal yang terlalu ajaib bagiku ini” (Ayub 42:3).

Tetapi Tuhan *telah* memberi kita beberapa jawapan. Walaupun kita tidak akan tahu sebabnya seseorang menjadi sakit, namun kita faham sebahagian sebabnya penyakit wujud. Walaupun kita tidak mengerti

***“Tanpa sangsi
lagi penderitaan
adalah cabaran
yang terbesar
dalam kepercayaan
Kristian.”***

—John Stott

sebabnya kita menghadapi masalah tertentu, kita dapat mengetahui cara menangani keadaan tersebut dan bertindak balas sesuai dengan

kehendak Tuhan.

Satu perkara lagi. Saya tidak mahu berpura-pura mengerti dengan sepenuhnya tentang penderitaan yang mungkin anda sendiri sedang alami. Walaupun beberapa segi penderitaan manusia itu sama, namun butir-butirnya berbeza. Perkara yang anda sangat perlukan pada masa ini bukan penerangan terperinci tentang sebabnya anda menderita, atau apa yang harus dilakukan dengan penderitaan tersebut. Mungkin anda sangat memerlukan pelukan, orang yang mendengar, atau orang yang hanya duduk diam bersama dengan anda. Bagaimanapun, pada masa-masa tertentu, anda akan memerlukan kebenaran Alkitab untuk menghibur dan menolong anda melihat kesusahan itu dari sudut pandangan Tuhan.

Saya dan anda bukan sahaja memerlukan teori penderitaan. Itulah sebabnya saya memberi pandangan

orang yang pernah mengalami pelbagai kesakitan jasmani dan emosi. Saya berdoa agar iman anda kepada Tuhan akan tetap teguh meskipun dunia anda seolah-olah hancur berkecai.

MENGAPAKAH TUHAN YANG BAIK MENGIZINKAN PENDERITAAN?

Dalam kesengsaraan kita, di manakah Tuhan? Jika Dia baik dan berbelas kasihan, mengapa pula kehidupan sering dipenuhi tragedi? Adakah Tuhan hilang kawalan? Atau, sekiranya Dia masih mengawal semuanya, apakah yang dilakukan-Nya kepada saya dan orang lain?

Ada sebilangan orang yang sengaja menafikan kewujudan Tuhan kerana mereka tidak dapat membayangkan Tuhan

membiarkan kesengsaraan seperti itu daripada berlaku. Ada juga yang percaya bahawa Tuhan wujud, tetapi mereka tidak mahu ada kenamengena dengan-Nya kerana mereka berfikir Dia tidak mungkin baik. Orang lain pula berpendirian bahawa Tuhan yang baik hati mengasihi kita tetapi Dia sudah hilang kawalan atas planet yang memberontak. Namun, orang lain tetap berpegang teguh dalam kepercayaan kepada Tuhan yang maha tahu, maha kuasa, dan mengasihi, dan dapat menggunakan kejahatan untuk mendatangkan kebaikan walaupun kita tidak memahaminya.

Semasa kita mengkaji Alkitab, kita mendapati bahawa ia menggambarkan Tuhan sebagai Peribadi yang boleh melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Kadang-kadang Dia bertindak dengan belas kasihan dan melakukan mukjizat untuk umat-Nya. Namun, pada masa

lain pula, Dia tidak melakukan apa-apa untuk menghalang bencana. Dia sepatutnya terlibat dalam kehidupan kita secara intim, namun ada masanya Dia seolah-olah tuli terhadap seruan permintaan tolong kita. Di dalam Alkitab, Dia meyakinkan kita bahawa Dia mengawal segala sesuatu yang berlaku, tetapi kadangkala Dia mengizinkan kita menjadi sasaran serangan orang jahat, kecacatan gen, kuman berbahaya, atau bencana alam.

Jika anda seperti saya, maka anda pasti memerlukan jawapan bagi isu penderitaan yang membingungkan ini. Saya percaya Tuhan telah memberi panduan yang cukup untuk menolong kita mempercayai Dia meskipun kita tidak mempunyai segala maklumat yang kita inginkan. Dalam kajian singkat ini, kita akan melihat bahawa jawapan yang diberikan Alkitab adalah Tuhan kita yang baik mengizinkan kesakitan dan

penderitaan di dunia untuk menyedarkan kita tentang masalah dosa, memimpin kita supaya memberi tindak balas dengan iman dan harapan kepada-Nya, membentuk kita supaya menjadi lebih menyerupai Kristus, dan menyatupadukan kita agar saling menolong.

MENGAPAKAH ADA PENDERITAAN?



UNTUK MENYEDARKAN KITA

Bayangkan dunia yang tiada kesakitan. Bagaimanakah keadaannya? Pada mulanya pendapat ini mungkin menarik. Tiada lagi sakit kepala dan sakit belakang.

Tiada lagi sakit perut. Tiada lagi kesakitan yang amat sangat apabila penukul tersasar dan ibu jari kita pula yang tertukul. Tiada lagi sakit kerongkong. Kesakitan yang menyedarkan anda tentang tulang yang patah atau ligamen yang terkoyak pun tiada lagi. Tiada amaran yang memberitahu kita bahawa ada ulser yang sedang merosakkan perut kita. Ketidakselesaan tidak dirasakan lagi untuk memberi amaran tentang barah yang sedang merebak dalam tubuh kita. Tiada kesesakan nafas yang memberitahu kita bahawa saluran darah ke hati kita tersumbat. Tiada rasa sakit akibat umbai usus yang pecah.

Walaupun kita sangat membenci kesakitan, kita harus mengakui bahawa sering kali ia juga bertujuan baik. Ia memberi amaran kepada kita bahawa ada sesuatu yang tidak baik. Masalah sebenar adalah penyebab penderitaan itu, bukan rasa sakit itu sendiri. Kesakitan hanya

gejala, bagaikan siren atau loceng yang berbunyi apabila sebahagian tubuh kita berada dalam bahaya atau diserang.

Dalam seksyen ini kita akan melihat bagaimana kesakitan boleh menjadi cara Tuhan untuk memberi amaran kepada kita bahawa:

1. Dunia ini bermasalah.
2. Makhluk ciptaan Tuhan bermasalah.
3. Saya sendiri yang bermasalah.

Salah satu masalah tersebut mungkin menjadi penyebab kesakitan dalam kehidupan kita. Marilah melihat setiap diagnosis tersebut.

I. Dunia ini bermasalah. Keadaan dunia kita yang menyedihkan menunjukkan bahawa ia mempunyai banyak masalah serius. Penderitaan yang kita alami dan kegelisahan pada kehidupan orang lain menunjukkan bahawa penderitaan tidak memilih bangsa, status sosial, agama,

bahkan akhlak. Ia kelihatan kejam, sembarangan, tidak bertujuan, menakutkan, dan tidak terkawal. Perkara jahat berlaku kepada orang yang cuba menjadi baik, dan perkara baik berlaku kepada orang yang seronok menjadi jahat.

Semuanya kelihatan tidak adil, dan ia telah menimpa setiap orang yang dekat dengan kita. Saya mengingat nenek saya ketika dia akan meninggal tidak lama lagi kerana penyakit kanser. Nenek dan Datuk Blohm tinggal bersama-sama keluarga kami. Ibu saya, seorang jururawat, menjaga nenek pada bulan-bulan terakhirnya. Ibu memberi dia penahan sakit. Datuk sangat ingin agar nenek sembuh. Lalu tiba harinya apabila kereta jenazah datang dan mengambil jenazah nenek. Saya tahu nenek di syurga, tetapi saya masih merasa sedih. Saya benci penyakit kanser—sampai sekarang.

Sementara saya duduk di sini dan memikirkan penderitaan yang dialami oleh semua kawan, teman sekerja, jiran, dan anggota keluarga, saya hampir tidak dapat percaya betapa panjangnya senarai itu—dan senarai saya masih tidak lengkap. Sering kali orang tersebut menderita tetapi kelihatannya bukan kerana kesalahan mereka sendiri. Kemalangan, kecacatan

***“Alkitab
menceritakan
kemasukan
penderitaan dan
kejahatan ke dunia
ini yang disebabkan
oleh sifat semula
jadi manusia yang
penting namun
teruk—kebebasan.”***

—Philip Yancey

sejak lahir, gangguan genetik, keguguran, penderaan oleh ibu bapa, kesakitan teruk, pemberontakan anak, penyakit parah, penyakit rambang, kematian suami/isteri atau anak, perhubungan terputus, dan bencana alam. Semuanya kelihatan tidak adil. Dari semasa ke semasa, saya cenderung menjadi kecewa.

Bagaimanakah kita menyelesaikan hal ini? Bagaimanakah kita menghadapi kenyataan hidup tanpa menafikan faktanya atau dikuasai oleh rasa putus asa? Tidak bolehkah Tuhan mencipta dunia yang baik dan betul semuanya? Tidak bolehkah Dia mencipta dunia yang menghalang orang membuat pilihan salah atau menyakiti orang lain? Tidak bolehkah Dia mencipta dunia yang tidak dihuni oleh nyamuk, rumput, dan kanser pun tidak wujud? Dia boleh—tetapi Dia tidak menciptanya.

Tuhan telah memberi kita

pemberian yang besar, iaitu kebebasan dan kebolehan untuk memilih. Ini bermaksud kita mempunyai risiko untuk membuat pilihan yang salah.

Sekiranya anda boleh memilih antara menjadi makhluk yang bebas berfikir di dunia disertai pilihan-pilihan salah yang mendatangkan kesengsaraan, atau menjadi robot di dunia yang tidak merasakan kesakitan, apakah pilihan anda? Apakah jenis makhluk yang dapat memberikan kehormatan dan kasih yang lebih kepada Tuhan?

Kita boleh saja dicipta seperti patung comel yang dihidupkan dengan bateri, yang berkata, “Aku mengasihimu” apabila dipeluk. Tetapi Tuhan mempunyai rancangan lain. Dia mengambil “risiko” untuk mencipta makhluk yang dapat melakukan hal-hal yang tidak terfikir pun—memberontak terhadap Pencipta mereka.

Apakah yang berlaku di

firdaus? Pencubaan, pilihan salah, dan akibat yang menyedihkan telah merosakkan kesejahteraan Adam dan Hawa. Kejadian 2 dan 3 menceritakan dengan terperinci bagaimana Iblis menguji kasih mereka terhadap Tuhan—dan mereka gagal. Dalam istilah Alkitab, kegagalan itu disebut dosa. Sebagaimana virus AIDS menjangkiti tubuh, memusnahkan sistem ketahanan tubuh, dan akhirnya membawa maut, demikian juga dosa merebak sebagai jangkitan yang membawa maut, serta menjangkiti satu generasi kepada generasi lain. Setiap generasi baru mewarisi akibat dosa dan juga keinginan untuk berbuat dosa (Roma 1:18-32; 5:12,15,18).

Kemasukan dosa ke dalam dunia bukan saja mendatangkan akibat yang membinasakan kepada manusia, tetapi dosa juga membawa hukuman yang serta-merta dan terus-menerus daripada Tuhan. Kejadian

“Tuhan berbisik kepada kita dalam masa keseronokan kita, berfirman dalam hati nurani kita, namun menjerit dalam penderitaan kita. Inilah megafon Tuhan untuk membangunkan dunia yang tuli.”

—C. S. Lewis

3 menceritakan bagaimana kematian jasmani dan rohani menjadi sebahagian daripada kewujudan manusia (ayat 3,19), kelahiran anak menyakitkan (ayat 16), tanah dikutuk dengan semak dan duri yang membawa kesukaran kepada manusia ketika bekerja (ayat 17-19), dan Adam serta Hawa diusir dari Taman yang istimewa, iaitu tempat mereka menikmati persekutuan yang intim dengan

Tuhan (ayat 23-24).

Dalam Perjanjian Baru, rasul Paulus menggambarkan seluruh ciptaan Tuhan merintih kesakitan dan menanti-nanti supaya dibebaskan daripada kutukan yang menghancurkan akibat dosa, dan mendapat hidup baru (Roma 8:19-22).

Penyakit, bencana, dan kerosakan akhlak adalah gejala masalah yang lebih dalam—umat manusia telah memberontak terhadap Pencipta. Setiap kesedihan, kepiluan, dan kesakitan yang amat sangat adalah peringatan yang jelas terhadap kesusahan manusia. Seperti lampu neon yang besar, kenyataan penderitaan menyerukan perkhabaran bahawa dunia bukan seperti apa yang diciptakan oleh Tuhan.

Oleh itu, jawapan pertama dan utama bagi persoalan penderitaan adalah ia merupakan akibat langsung kemasukan dosa ke dalam dunia. Kesakitan memberi kita amaran bahawa penyakit

rohani sedang merosakkan planet kita. Kesusahan kita sering kali merupakan kesan sampingan apabila tinggal di dunia yang sudah jatuh dalam dosa—bukan kerana akibat langsung kesalahan kita sendiri.

2. Makhluk Ciptaan Tuhan bermasalah.

Kita boleh menjadi sasaran perbuatan kejam orang lain atau serangan daripada tentera Iblis yang memberontak. Manusia yang sudah jatuh dalam dosa dan makhluk ilahi yang sudah berbuat dosa (malaikat yang memberontak) mempunyai kemampuan untuk membuat keputusan yang boleh merosakkan diri sendiri dan orang lain.

Penderitaan boleh didatangkan oleh manusia.

Sebagai makhluk yang bebas (dan dijangkiti dosa), orang telah dan akan terus membuat banyak keputusan salah dalam kehidupan. Pilihan yang salah ini sering membawa kesan atas orang lain.

Misalnya dalam kitab Kejadian, salah satu anak lelaki Adam, iaitu Kain, membuat pilihan dengan membunuh adiknya Habel (4:7-8). Lamekh membanggakan keganasannya (4:23-24). Sarai memperlakukan Hagar dengan kasar (16:1-6). Laban menipu anak buahnya Yakub (29:15-30). Abang-abang Yusuf menjualnya sebagai hamba (37:12-36), lalu isteri Potifar memfitnah dan menuduh Yusuf dengan cubaan untuk memperkosanya, kemudian memenjarakan Yusuf (fasal 39). Firaun memperlakukan hamba-hamba bangsa Yahudi dengan kejam di Mesir (Keluaran 1). Raja Herodes membunuh semua anak di Betlehem dan di sekitarnya dalam percubaan untuk membunuh Yesus (Matius 2:16-18).

Kesakitan yang didatangkan oleh orang lain kepada kita mungkin disebabkan oleh iri hati. Atau mungkin kita adalah sasaran penganiayaan kerana iman kepada Kristus. Sepanjang sejarah, orang yang percaya

kepada Tuhan telah dianiaya oleh orang yang melawan Tuhan.

Sebelum Saulus percaya kepada Yesus, dia sangat menentang orang Kristian dan berusaha dengan sedaya upaya untuk menyusahkan orang percaya—bahkan berusaha supaya mereka dibunuh (Kisah Rasul-Rasul 7:54-8:3). Tetapi selepas dia percaya kepada Tuhan Yesus, dengan berani dia menanggung segala jenis penganiayaan sewaktu dia memberitakan perkhabaran Berita Baik dengan berani (2 Korintus 4:7-12; 6:1-10). Bahkan dia dapat berkata bahawa penderitaan yang ditanggungnya telah membentuk dia menjadi lebih serupa dengan Kristus (Filipi 3:10).

Penderitaan boleh juga disebabkan oleh Iblis dan roh-roh jahat. Kisah hidup Ayub menjadi contoh yang jelas tentang orang baik mengalami penderitaan yang amat berat kerana serangan

Iblis. Tuhan telah mengizinkan Iblis merampas harta milik Ayub, keluarga, dan kesihatannya (Ayub 1-2).

Sementara saya menulis ayat sebelumnya, saya merasa takut. Entah mengapa, tetapi atas sebab-Nya sendiri, Tuhan mengizinkan Iblis untuk menghancurkan hidup Ayub. Mungkin kita cenderung membandingkan hal ini kepada seorang bapa yang membiarkan seorang budak nakal di kejiranan untuk memukul anak-anaknya dengan alasan ingin melihat sama ada mereka masih mengasihi Bapa mereka. Tetapi, sebagaimana yang diketahui oleh Ayub pada akhirnya, penilaian seperti itu tidak adil jika bercakap tentang Tuhan kita yang bijaksana dan penuh kasih.

Kita tahu (walaupun Ayub tidak) bahawa kehidupannya adalah kes ujian, suatu kesaksian hidup terhadap kebolehpercayaan Tuhan. Ayub tetap menjadi contoh

bahawa seseorang boleh percaya kepada Tuhan dan masih ada integriti walaupun hidupnya hancur (atas alasan apa pun), kerana Tuhan memang patut dipercayai. Akhirnya, Ayub mempelajari

***“Apabila Allah
memberikan
yang baik,
kita menerimanya.
Kita juga patut
menerima
yang tidak baik.”***
—Ayub 2:10

bahawa walaupun dia tidak memahami apa tujuan Tuhan, dia mempunyai banyak sebab untuk percaya bahawa Tuhan bukannya bertindak tidak adil, kejam, berseronok atas kesengsaraan orang lain, atau tidak adil dengan mengizinkan hidupnya dihancurkan (Ayub 42).

Rasul Paulus mengalami masalah fizikal yang dikatakan berasal daripada Iblis. Dia menyebutnya “sejenis penyakit yang sangat menyakitkan. Penyakit itu alat Iblis untuk memukul aku supaya aku tidak terlalu sombong” (2 Korintus 12:7). Paulus berdoa untuk dibebaskan daripada masalah itu, tetapi Tuhan tidak mengabulkan permintaannya. Sebaliknya, Tuhan membantu dia melihat bagaimana kesukaran ini mendatangkan tujuan yang baik. Hal itu membuat Paulus bergantung kepada Tuhan dengan rendah hati dan mengizinkan dia mengalami rahmat-Nya (ayat 8-10).

Walaupun kebanyakan penyakit tidak dapat dikaitkan secara langsung kepada pekerjaan Iblis, kisah yang diceritakan dalam kitab Berita Baik telah mencatat beberapa contoh penderitaan yang dikatakan berasal daripada Iblis, termasuk orang yang buta dan bisu (Matius 12:22),

dan seorang budak lelaki yang menderita penyakit gila babi. (17:14-18).

3. Saya sendiri yang bermasalah. Apabila sesuatu yang buruk berlaku dalam kehidupan kita, sering kali kita terus mengambil kesimpulan bahawa Tuhan sedang menghukum kita kerana beberapa dosa kita. Hal itu tidak semestinya benar. Seperti yang saya nyatakan sebelum ini, kebanyakan penderitaan yang berlaku atas kita kerana kita tinggal di dalam dunia dan dihuni oleh orang yang runtuh akhlak serta malaikat yang memberontak.

Kawan-kawan Ayub salah anggap bahawa penderitaannya disebabkan oleh dosa dalam hidupnya (Ayub 4:7-8; 8:1-6; 22:4-5; 36.17). Para pengikut Yesus sendiri membuat kesimpulan yang salah apabila mereka melihat seorang lelaki buta. Mereka bertanya sama ada masalah penglihatan lelaki itu disebabkan oleh dosanya

sendiri atau perbuatan ibu bapanya (Yohanes 9:1-2). Yesus memberitahu mereka bahawa masalah jasmani orang itu tiada kaitan dengan dosanya sendiri atau dosa ibu bapanya (ayat 3).

Dengan peringatan ini, kita perlu menghadapi kebenaran yang jelas bahawa beberapa penderitaan memang akibat langsung dosa—sama ada sebagai disiplin daripada Tuhan terhadap orang yang dikasihi-Nya, atau tindakan Tuhan untuk menghukum pemberontak di alam semesta-Nya.

Tegur Ajar. Jika kita telah percaya kepada Yesus Kristus sebagai Penyelamat, maka kita adalah anak-anak Tuhan. Oleh itu, kita adalah sebahagian keluarga yang diketuai oleh Bapa yang mengasihi, mendidik dan menegur ajar kita. Dia bukan bapa yang kasar dan merasa seronok dengan memukul orang.

Ibrani 12 mencatat:

Janganlah lupa akan nasihat Allah, yang diberikan kepada kamu sebagai anak-anak-Nya: “Hai anak-Ku, perhatikan baik-baik apabila Tuhan menunjukkan kesalahanmu, dan janganlah kecil hati apabila Dia menghukum kamu. Tuhan menunjukkan kesalahan setiap orang yang dikasihi-Nya, dan menghukum setiap orang yang diakui-Nya sebagai anak... Di dunia ini kita mempunyai bapa. Mereka menghukum kita, dan kita menghormati mereka. Oleh itu, kita harus menerima hukuman yang dikenakan oleh Bapa kita yang di syurga, supaya kita hidup. Bapa kita yang di dunia menghukum kita hanya untuk masa pendek ketika kita masih anak-anak, menurut apa yang dirasakan baik oleh mereka. Tetapi Allah menghukum kita untuk kebaikan kita sendiri, supaya kita dapat

menjadi suci seperti Dia (ayat 5-6, 9-10).

Yesus berkata kepada jemaah di Laodikea, “Aku menegur dan menghukum orang yang Aku kasihi. Oleh itu kamu harus bersungguh-sungguh, dan juga bertaubat daripada dosa” (Wahyu 3:19).

Raja Daud tahu bagaimana rasanya ditegur oleh Tuhan dengan kasih. Selepas Daud berzina dengan Batsyeba, dan bersubahat agar suami Batsyeba terkorban dalam peperangan, Daud tidak bertaubat sebelum nabi Natan menegurnya. Mazmur 51 menceritakan semula pergelutan Daud dengan rasa bersalah serta seruannya memohon pengampunan. Dalam mazmur lain, Daud merenung akibatnya menyembunyikan serta tidak mempedulikan dosa. Dia menulis, “Ketika aku tidak mengakui dosaku, aku letih kerana menangis sepanjang hari. Siang malam Engkau menghukum aku, ya TUHAN;

tenagaku habis seperti embun diserap terik matahari” (Mazmur 32:3-4).

Dalam 1 Korintus 11:27-32, rasul Paulus memberi amaran kepada orang percaya bahawa sikap meringan-ringankan hal-hal Tuhan, iaitu mengambil bahagian dalam perjamuan Tuhan tanpa menghormatinya—akan mendatangkan disiplin. Paulus menerangkan bahawa disiplin daripada Tuhan ini mempunyai tujuan. Dia berkata, “Tetapi jika kita diadili dan dihukum oleh Tuhan, Dia melakukannya supaya kita tidak dihukum bersama-sama dunia ini” (ayat 32).

Kebanyakan kita mengerti prinsip bahawa Tuhan mendisiplin orang yang dikasihi-Nya. Kita tentu mengharapkan Bapa yang mengasihi untuk menegur ajar serta memanggil kita supaya membaharui ketaatan kita kepada-Nya.

Hukuman. Tuhan juga menghukum orang tidak percaya yang degil melakukan

kejahatan. Orang yang belum menerima anugerah penyelamatan daripada Tuhan akan menerima kemurkaan Tuhan pada hari penghukuman kelak dan kemungkinan menghadapi hukuman berat pada masa ini jika Tuhan memilih untuk berbuat demikian.

Tuhan mendatangkan banjir untuk membinasakan manusia yang berdosa (Kejadian 6). Dia memusnahkan Sodom dan Gomora (Kejadian 18-19). Dia mengirim wabak kepada orang Mesir (Keluaran 7-12). Dia memerintah orang Israel untuk membinasakan semua orang yang menyembah berhala di Tanah Perjanjian (Ulangan 7:1-3). Dia memukul Raja Herodes yang angkuh pada zaman Perjanjian Baru (Kisah Rasul-Rasul 12:19-23). Dan pada hari penghakiman kelak, Tuhan akan melaksanakan pengadilan yang sempurna atas semua orang yang menolak kasih dan pemerintahan-Nya (2 Petrus 2.4-9).

Bagaimanapun, kini kita masih menghadapi ketidakadilan. Tuhan telah memilih untuk menundakan pelaksanaan keadilan-Nya yang sempurna, atas alasan-Nya yang maha bijak. Penulis mazmur, Asaf, bergelut dengan ketidakadilan dalam kehidupan. Dia menulis tentang orang jahat yang tidak dihukum, bahkan mereka menjadi makmur, sedangkan ramai orang baik pula yang mengalami kesusahan (Mazmur 73). Dia berkata tentang kemakmuran orang jahat, "Aku cuba memahami hal itu, tetapi terlalu sukar bagiku, sehingga aku masuk ke dalam Rumah-Mu, barulah aku memahami kesudahan semua orang jahat itu" (ayat 16-17). Dengan memikirkan Tuhan yang berdaulat di atas alam semesta, Asaf dapat melihat semua itu dengan sudut pandangan yang betul.

Apabila kita bergelut dengan hakikat bahawa orang jahat begitu mudah

“terlepas daripada hukuman pembunuhan” dan segala jenis perbuatan lucah, kita perlu ingat bahawa “Tuhan tidak berlambat untuk melakukan apa yang sudah dijanjikan-Nya, meskipun beberapa orang berfikir demikian. Sebaliknya, Dia sabar terhadap kamu, kerana Dia tidak ingin sesiapa pun binasa. Dia mahu semua orang bertaubat daripada dosa” (2 Petrus 3:9).

Oleh itu, bahagian pertama jawapan bagi masalah penderitaan adalah Tuhan menggunakannya untuk membuat kita berjaga-jaga terhadap masalah besar. Kesakitan memberi amaran bahawa ada masalah dengan dunia, dengan manusia pada amnya, dengan saya dan anda. Tetapi sebagaimana kita akan lihat di bahagian seterusnya, Tuhan tidak hanya memberi tanda tentang masalah tersebut, tetapi Dia juga menggunakan masalah untuk mendorong kita mencari penyelesaian daripada-Nya.

MENGAPAKAH ADA PENDERITAAN?



UNTUK MEMIMPIN KITA

Apabila seseorang menjauhkan diri daripada Tuhan, penderitaan sering dituduh sebagai penyebabnya. Tetapi anehnya, penderitaan juga mendapat pujian kerana ada orang berkata bahawa penderitaan mengarahkan semula hidup mereka, menolong mereka melihat kehidupan dengan lebih jelas, dan menyebabkan perhubungan mereka dengan Tuhan menjadi lebih rapat. Bagaimanakah mungkin keadaan yang sama memberi kesan yang amat berbeza kepada manusia? Penyebabnya

terletak dalam diri orang itu sendiri, bukan pada peristiwa yang berlaku.

Seorang pemimpin media yang terkenal dan bersifat terus terang, mengutuk agama Kristian secara umum sebagai “agama untuk orang yang tidak berjaya.” Tetapi dia tidak berfikir begitu dahulu. Waktu dia masih muda, dia mendapat pendidikan Alkitab, termasuk menjadi pelajar di sekolah Kristian. Apabila berjenaka tentang ajaran agama yang banyak diajarkan padanya, dia berkata, “Saya fikir saya telah diselamatkan untuk tujuh atau lapan kali.” Tetapi suatu pengalaman yang menyakitkan telah mengubah pandangannya terhadap kehidupan dan Tuhan. Adik perempuannya sakit tenat. Dia berdoa mohon kesembuhan baginya, tetapi selepas menderita selama 5 tahun, adiknya meninggal. Pemuda itu menjadi kecewa dengan Tuhan yang membiarkan hal itu berlaku. Dia berkata, “Saya

mula hilang iman, dan semakin saya kehilangan iman, semakin saya berasa lega.”

Apakah yang menjadi perbezaan antara orang seperti pemuda itu dan Joni Eareckson Tada? Di dalam buku *Where Is God When It Hurts?* (Di Manakah Tuhan Ketika Ada Kesakitan?), Philip Yancey menggambarkan transformasi yang perlahan-lahan berlaku dalam sikap Joni beberapa tahun selepas dia lumpuh dalam kemalangan semasa menyelam.

“Pada mulanya, Joni merasa mustahil untuk percaya bahawa Tuhan ialah Pengasih, memandangkan keadaannya... Dia kembali kepada Tuhan dengan perlahan-lahan. Perubahan sikapnya daripada merasa pahit lalu menjadi percaya telah meleret-leret lebih daripada tiga tahun dengan linangan air mata dan pertanyaan yang penuh kemarahan” (ms. 133-34).

Titik perubahan berlaku pada suatu petang, apabila

seorang kawan rapatnya, Cindy, memberitahu dia, “Joni, awak bukan berseorangan. Yesus tahu perasaan awak—kerana Dia pun pernah menjadi lumpuh.” Lalu Cindy menggambarkan Yesus dipakukan pada kayu salib, dan dilumpuhkan oleh paku.

Kemudian Yancey memerhati, “Fikiran itu menarik perhatian Joni, dan untuk sesaat, ia mengalihkan fikirannya daripada kesakitannya. Dia tidak pernah terfikir bahawa Tuhan pernah merasakan kesakitan yang menusuk tubuhnya dengan amat sangat. Kesedaran itu amat menghiburkan” (ms. 134).

Joni tidak lagi terus-menerus mempersoalkan sebabnya kemalangan yang dahsyat itu berlaku, sebaliknya dia telah dipaksa untuk lebih bersandar kepada Tuhan dan melihat kehidupan daripada sudut pandangan jauh.

Yancey menerangkan lagi

tentang Joni, “Dia memang bergelut dengan Tuhan, tetapi dia tidak lari daripadanya... Kini Joni menyebut kemalangannya sebagai ‘penceroboh mulia,’ dan mendakwa bahawa itulah perkara terbaik yang pernah berlaku kepadanya. Tuhan menggunakan kemalangan itu untuk menarik perhatian Joni dan mengarahkan fikirannya kepada Tuhan” (ms. 137-38).

Prinsip ini, iaitu penderitaan boleh menghasilkan kebergantungan yang sihat kepada Tuhan, diajarkan oleh rasul Paulus dalam salah satu suratnya kepada jemaah di Korintus. Dia menulis:

Saudara-saudaraku, kami mahu kamu mengetahui kesusahan yang kami alami di wilayah Asia. Penderitaan yang kami tanggung itu sedemikian berat sehingga kami kehilangan harapan untuk hidup. Kami berasa seolah-olah sudah dijatuhkan hukuman mati. Tetapi

sebenarnya perkara itu berlaku, supaya kami tidak bergantung kepada diri sendiri, melainkan kepada Allah yang membangkitkan orang mati (2 Korintus 1:8-9).

Pendapat yang sama boleh terdapat dalam komen Paulus tentang masalahnya secara fizikal. Tuhan memberitahu

“Aku mengasihi kamu dan hal itu sudah cukup bagimu, kerana kuasa-Ku nyata sekali pada masa kamu lemah”

—2 Korintus 12:9

Paulus, “Kuasa-Ku nyata sekali pada masa kamu lemah” (2 Korintus 12:9). Lalu Paulus menambahkan, “Aku bersukacita ketika mengalami kelemahan, hinaan, kesukaran, penganiayaan, dan

kesusahan, kerana Kristus. Aku bersukacita, kerana ketika aku lemah, pada masa itulah aku mendapat kekuatan daripada Kristus” (ayat 10).

Penderitaan mempunyai cara untuk menunjukkan betapa terbatas dan lemah dalam kebolehan kita sendiri. Ini memaksa kita untuk memikirkan semula keutamaan, nilai, sasaran, impian, keseronokan, sumber kekuatan yang sebenar, dan perhubungan kita dengan orang dan Tuhan. Ia mempunyai cara untuk mengarah perhatian kita kepada hakikat rohani (jika kita tidak lari daripada Tuhan disebabkan oleh penderitaan).

Penderitaan memaksa kita untuk menilai arah tuju kehidupan kita. Kita boleh memilih untuk berputus asa dengan menumpukan perhatian kepada masalah kita sekarang, atau kita boleh memilih untuk berharap dengan mengenal rancangan jangka panjang yang ditetapkan oleh Tuhan

bagi kita (Roma 5:5; 8:18-28; Ibrani 11).

Antara semua ayat di dalam Alkitab, Ibrani 11 paling meyakinkan saya bahawa sama ada kehidupan baik atau sukar, tindak balas saya seharusnya percaya kepada kebijaksanaan, kuasa, dan kawalan Tuhan. Apa pun yang berlaku, saya mempunyai alasan untuk mempercayai Dia—sebagaimana tokoh lelaki dan wanita yang berharap

“Beriman bererti yakin sungguh-sungguh akan perkara-perkara yang diharapkan, dan mempunyai kepastian akan perkara-perkara yang tidak dapat kita lihat.”

—Ibrani 11:1

kepada-Nya pada masa lalu.

Contohnya, Ibrani 11 mengingatkan kita tentang Nuh, seorang yang menunggu selama 120 tahun bagi Tuhan untuk menunaikan janji-Nya tentang banjir yang melanda (Kejadian 6:3). Abraham menunggu bertahun-tahun lamanya dengan perasaan terseksa sebelum anak yang dijanjikan Tuhan lahir. Yusuf dijual menjadi hamba dan dipenjarakan atas tuduhan palsu, tetapi akhirnya dia melihat bagaimana Tuhan menggunakan semua perkara yang seolah-olah jahat dalam hidupnya untuk tujuan yang baik (Kejadian 50:20). Musa menunggu sehingga dia berumur 80 tahun sebelum Tuhan menggunakan dia untuk menolong melepaskan orang Yahudi dari Mesir. Pada masa itu pun, dia menghadapi banyak cabaran ketika memimpin umat yang kurang iman (lihat Keluaran).

Ibrani 11 menyenaraikan orang seperti Gideon, Simson,

Daud, dan Samuel, yang melihat kemenangan besar ketika mereka hidup untuk Tuhan. Tetapi di tengah-tengah ayat 35, suasananya berubah. Tiba-tiba kita berhadapan dengan orang yang harus menanggung kesengsaraan yang amat berat—orang yang meninggal tanpa tahu sebabnya Tuhan mengizinkan mereka melalui kesusahan yang begitu berat. Mereka dianiaya, ditertawakan, dicambuk, direjam, dibelah dua, ditikam, diperlakukan dengan tidak patut, dan dipaksa untuk hidup sebagai orang hina (ayat 35-38). Tuhan telah merancang agar kesetiaan mereka dalam kesukaran akan diberi ganjaran dalam kekekalan nanti (ayat 39-40).

Kesakitan memaksa kita melihat melampaui keadaan kita sekarang. Penderitaan mendorong kita menanyakan soalan penting seperti “Mengapa saya di dunia ini?” dan “Apakah tujuan hidup saya?” Dengan

mengemukakan pertanyaan tersebut dan mendapatkan jawabannya daripada Tuhan yang dinyatakan dalam Alkitab, kita akan mendapat kestabilan yang kita perlu untuk menanggung perkara paling buruk yang boleh berlaku dalam kehidupan, kerana kita tahu bahawa kehidupan sekarang bukan segala-galanya. Apabila kita mengerti bahawa Tuhan yang berdaulat itu berkuasa atas seluruh sejarah manusia dan mengarang semuanya untuk memuliakan Dia, maka kita akan melihat semua itu dari sudut pandangan yang lebih baik.

Dalam Roma 8:18, rasul Paulus menulis, “Pada pendapatku, segala penderitaan yang kita alami sekarang tidak dapat dibandingkan dengan kemuliaan yang akan ditunjukkan kepada kita.” Paulus tidak meringankan kesusahan kita, tetapi dia memberitahu

orang percaya untuk melihat masalah kita sekarang dari sudut pandangan kekekalan. Mungkin masalah kita benar-benar berat, bahkan menghancurkan. Tetapi Paulus berkata bahwa jika dibandingkan dengan kemuliaan yang begitu hebat, yang menunggu orang yang mengasihi Tuhan, maka keadaan hidup yang paling gelap dan berat pun akan lenyap.

Kita perlu mengambil masa untuk melihat satu lagi contoh, yang mungkin menjadi gambaran yang paling penting. Pada hari Kristus disalibkan, hari itu kini disebut Jumaat Agung atau 'Good Friday' (Jumaat Baik). Pada waktu itu, hari tersebut tidak baik sama sekali. Hari itu hari yang penuh dengan penderitaan, kegelisahan, kegelapan dan kemuraman. Pada hari itu, Yesus merasa seorang diri. Tuhan seolah-olah tidak hadir dan mendiamkan diri ketika kejahatan seakan-akan

menang, dan harapan hancur. Tetapi hari Ahad tiba. Yesus bangkit dari kubur. Peristiwa yang mengagumkan itu memberi erti yang lain kepada hari Jumaat. Kebangkitan memberi erti yang baru sama sekali terhadap peristiwa yang berlaku di kayu salib. Hari yang dahulu hari kekalahan, kini berubah menjadi hari kemenangan.

Kita juga boleh melihat

“Berbahagialah orang yang ditolong oleh Allah Yakub, dan yang berharap kepada TUHAN, Allahnya; Dialah Allah yang mencipta langit, bumi, dan laut, serta isi semuanya.”

—Mazmur 146:5-6

ke hadapan. Kita boleh menanggung “Jumaat” yang

gelap dan memandangnya sebagai “baik” kerana kita melayani Tuhan yang bangkit pada hari Ahad.

Oleh itu, apabila masalah menyerang, ingatlah akan hal ini: Tuhan menggunakan keadaan seperti itu untuk memimpin kita kepada-Nya dan ke arah pandangan jauh terhadap kehidupan. Dia memanggil kita untuk percaya, berharap, dan menunggu.

MENGAPAKAH ADA PENDERITAAN?



UNTUK MEMBENTUK KITA

Jurulatih olahraga gemar menggunakan ungkapan “Tiada sakit, tiada berkat.” Sebagai seorang bintang trek

sekolah menengah (mungkin saya tidaklah begitu hebat, tetapi saya rajin melatih!), saya mendengar jurulatih mengingatkan kami dengan berulang kali bahawa sesi latihan yang sukar akan mendatangkan keuntungan apabila kami mula bertanding. Mereka memang betul. Kami tidak menang selalu, tetapi kerja keras kami telah membuahkan hasil yang ketara.

Saya mempelajari banyak hal tentang diri saya sendiri itu semasa latihan. Kini saya belajar lebih banyak semasa saya mendisiplinkan diri untuk berjoging setiap hari. Sering juga saya ingin melupakan saja semuanya. Saya tidak suka merasa sakit dalam latihan regangan. Saya lebih suka tidak memaksa “sistem radiator” tubuh saya ke tahap tertinggi, dan meletihkan diri sendiri ketika mendaki bukit. Jadi, mengapa saya melakukannya? Manfaatnya lebih besar daripada

kesakitannya. Tekanan darah dan kadar denyut saya tetap rendah, pinggang saya tidak membesar, dan saya merasa lebih cergas dan sihat.

Senaman mungkin memberi keuntungan yang nyata, tetapi bagaimana pula dengan kesakitan yang bukan pilihan kita? Bagaimana dengan kesakitan, penyakit, kemalangan, dan kesengsaraan emosi? Apakah keuntungan yang boleh kita dapat daripada semua itu? Adakah kita *betul-betul* harus mengalami penderitaan untuk mendapat keuntungan?

Marilah perhatikan apa yang dikatakan oleh orang yang sama-sama menderita dalam Roma 5.3-4. Rasul Paulus menulis, “Kita juga membanggakan penderitaan kita, kerana kita tahu bahawa penderitaan menghasilkan ketekunan. Ketekunan menyebabkan kita diperkenankan oleh Allah. Oleh itu kita mempunyai harapan.”

Paulus memperkenalkan keuntungan yang dihasilkan oleh penderitaan dengan berkata “kita juga membanggakan penderitaan.” Bagaimana mungkin dia dapat berkata kita harus bersukacita atau bergembira kerana kita menanggung tragedi yang menyakitkan? Sudah tentunya Dia tidak menyuruh kita meraih kesusahan kita; sebaliknya, dia memberitahu kita untuk bersukacita atas apa yang dapat dan akan dilakukan oleh Tuhan untuk kita dan bagi kemuliaannya *melalui* ujian yang kita lalui. Kenyataan Paulus mendorong kita meraih hasil pada akhirnya, bukan proses yang menyakitkan itu sendiri. Dia bukan bermaksud kita mendapat kegembiraan yang mengerikan daripada kematian, kanser, kecacatan, kerugian kewangan, hubungan yang terputus, atau kemalangan yang tragik. Semua hal itu mengerikan—suatu peringatan seram bahawa kita hidup di

dunia yang telah dicemari oleh kutuk dosa.

Rasul Yakobus juga menulis tentang cara kita bersukacita atas hasil masalah kita. Dia berkata, "Saudara-saudaraku! Anggaplah diri kamu berbahagia apabila mengalami bermacam-macam cubaan, kerana kamu tahu bahawa semasa kamu mengalami cubaan, dan masih tetap percaya kepada Kristus, kamu sudah membuktikan bahawa kamu tabah menanggung penderitaan. Pastikan supaya ketabahan kamu untuk menanggung penderitaan itu berterusan, sehingga kamu menjadi benar-benar sempurna dan tidak kekurangan sesuatu pun" (Yakobus 1:2-4).

Apabila kita menggabungkan kebenaran dua ayat ini, kita melihat bagaimana hasil penderitaan yang baik dan patut dipuji adalah ketabahan yang sabar, kedewasaan dalam sifat, serta pengharapan. Tuhan boleh menggunakan kesukaran

dalam hidup untuk membentuk kita supaya menjadi lebih dewasa dalam iman, lebih salih, dan lebih menyerupai Kristus.

Apabila kita percaya kepada Kristus sebagai Penyelamat kita, Tuhan bukannya tiba-tiba mengubah kita sehingga menjadi orang yang sempurna. Apa yang dilakukan-Nya adalah menyingkirkan hukuman dosa dan membawa kita ke jalan yang menuju syurga. Lalu hidup menjadi pembinaan karakter apabila kita belajar lebih banyak tentang Tuhan dan bagaimana kita dapat menyenangkan hati-Nya. Penderitaan mempunyai cara yang dramatik untuk memaksa kita menangani hal-hal kehidupan yang lebih dalam. Dengan demikian, kita menjadi lebih kuat dan matang.

Datuk saya, Dr. M. R. De Haan, bercakap tentang proses pembentukan hidup kita dalam bukunya *Broken Things*. Dia menulis:

“Pastikan supaya ketabahan kamu untuk menanggung penderitaan itu berterusan, sehingga kamu menjadi benar-benar sempurna dan tidak kekurangan sesuatu pun.”

—Yakobus 1:4

Khutbah paling hebat yang pernah saya dengar bukan disampaikan dari mimbar tetapi dari katil pesakit. Kebenaran Firman Tuhan yang paling hebat dan dalam sering dinyatakan bukan oleh orang yang berkhotbah kerana persiapan dan pendidikan yang diterima di seminari, tetapi oleh orang yang rendah hati dan telah melalui sekolah

penderitaan dan belajar melalui pengalaman atas jalan Tuhan yang amat dalam.

Orang yang paling ceria yang pernah saya jumpa, kecuali beberapa orang tertentu, adalah orang yang mendapat paling sedikit kesenangan dan menerima paling banyak kesakitan dan penderitaan dalam hidup mereka. Orang yang paling bersyukur yang pernah saya jumpa pula bukan orang yang berjalan melalui kenikmatan sepanjang hidup mereka, melainkan orang yang terkurung kerana keadaan, di dalam rumah mereka, dan sering di atas katil mereka, dan telah belajar untuk terus bergantung pada Tuhan sebagai orang Kristian. Menurut pemerhatian saya, biasanya orang yang suka bersungut adalah orang yang paling sihat. Orang

yang merungut adalah orang yang mempunyai paling sedikit hal yang perlu dirunguti. Hamba Tuhan yang selalu menyegarkan hati saya semasa 'berkhotbah' dari katil pesakit merupakan orang yang paling ceria dan bersyukur atas berkat-berkat daripada Tuhan yang maha kuasa (ms. 43-44).

Bagaimanakah tindak balas anda terhadap kesukaran hidup? Adakah anda berasa pahit atau menjadi orang yang lebih baik? Adakah anda bertumbuh dalam iman atau menjauhkan diri daripada Tuhan? Adakah anda menjadi lebih menyerupai Kristus dalam kelakuan? Adakah anda membiarkan masalah membentuk dan menjadikan anda lebih serupa dengan Anak Tuhan?

Bagaimana Segala Sesuatu Bekerjasama Untuk Mendatangkan Kebaikan? Mungkin

ayat Alkitab yang paling sering dipetik semasa mengalami kesakitan dan kesengsaraan adalah Roma 8.28: "Kita tahu bahawa Allah mengendalikan segala hal sehingga menghasilkan yang baik bagi orang yang mengasihi Dia dan yang sudah dipanggil-Nya sesuai dengan rancangan-Nya." Ayat ini sering disalah faham dan mungkin juga disalah guna, tetapi kebenarannya boleh memberikan penghiburan.

Konteks Roma 8 menitikberatkan perkara yang dilakukan oleh Tuhan bagi kita. Roh Kudus yang tinggal dalam kita memberi kita kehidupan rohani (ayat 9), meyakinkan kita semula bahawa kita adalah anak-anak Tuhan (ayat 16), dan membantu kita berdoa pada waktu kita lemah (ayat 26-27). Roma 8 juga meletakkan penderitaan dalam gambaran secara keseluruhan tentang apa yang dilakukan oleh Tuhan—bahawa Tuhan sedang

melaksanakan rancangan penebusan-Nya (ayat 18-26). Ayat 28 hingga 39 meyakinkan kita tentang kasih Tuhan bagi kita, bahawa tiada seorang pun atau apa pun yang boleh menghalang Tuhan daripada melakukan apa yang hendak dilakukan-Nya, dan tiada suatu pun yang boleh memisahkan kita daripada kasih-Nya.

Oleh itu, setelah membaca konteks Roma 8 dengan betul, ayat 28 lagi meyakinkan kita bahawa Tuhan sedang bekerja bagi semua orang yang percaya kepada Anak-Nya sebagai Penyelamat. Ayat ini tidak berjanji bahawa kita akan memahami semua peristiwa tentang kehidupan atau selepas mengalami pengujian, kita akan diberkati dengan hal-hal yang baik dalam hidup ini. Tetapi ini memberi kita dorongan bahawa Tuhan sedang melakukan rancangan-Nya yang baik melalui hidup kita. Dia membentuk kita dan juga

keadaan kita untuk membawa kemuliaan kepada diri-Nya.

Dalam bukunya *Becoming a Whole Person in a Broken World*, Ron Lee Davis menulis, “Berita baik bukan bererti Tuhan akan mengubah keadaan sehingga menjadi seperti apa yang kita inginkan, tetapi Tuhan boleh memasukkan rancangan-Nya yang kekal dalam kekecewaan dan bencana yang kita alami. Kejahatan yang kita alami boleh diubah menjadi kebaikan Tuhan. Roma 8.28 adalah jaminan Tuhan bahawa jika kita mengasihi Tuhan, hidup kita boleh digunakan untuk mencapai maksud-Nya dan meluaskan kerajaan-Nya” (ms. 122).

“Tetapi,” anda mungkin bertanya, “bagaimana mungkin Tuhan mengawal keadaan apabila hidup kelihatan tidak terkawal? Bagaimana mungkin Dia melakukan segalanya untuk mendatangkan kemuliaan bagi-Nya dan akhirnya untuk kebaikan kita?”

Dalam bukunya *Why Us?* Warren Wiersbe menyatakan bahawa Tuhan “membuktikan kedaulatan-Nya, bukan dengan terus-menerus campur tangan dan menghalang sesuatu peristiwa daripada berlaku, tetapi dengan menguasai dan mengatasinya agar tragedi sekalipun boleh melaksanakan tujuan akhir-Nya” (ms. 136).

Sebagai Tuhan yang berdaulat atas alam semesta, Tuhan memakai seluruh kehidupan untuk mengembangkan kedewasaan kita supaya semakin serupa dengan Kristus, dan untuk memajukan rancangan kekal-Nya. Bagaimanapun, untuk melaksanakan maksud tersebut, Tuhan memakai kita untuk menolong orang lain, dan Dia mahu orang lain menolong kita. Itulah yang akan diterangkan dalam bahagian selanjutnya.

MENGAPAKAH ADA PENDERITAAN?



UNTUK MENYATUKAN KITA

Kesakitan dan penderitaan seolah-olah mempunyai kemampuan yang istimewa untuk menunjukkan betapa perlunya kita akan satu sama lain. Pergelutan mengingatkan kita betapa rapuhnya kita. Bahkan kelemahan orang lain pun boleh mendorong kita apabila kita kehilangan kekuatan kita sendiri.

Kebenaran ini menjadi sangat nyata bagi saya setiap kali saya bertemu dengan sekelompok kecil kawan di gereja untuk berdoa dan bersekutu. Pada waktu seperti itu, kami berkongsi beban akan

anak yang sakit, kehilangan pekerjaan, ketegangan di tempat kerja, pemberontakan anak, keguguran, kebencian di kalangan anggota keluarga, tekanan perasaan, kesibukan harian, anggota keluarga yang belum mengenal Tuhan, keputusan yang sukar dibuat, jenayah di kawasan perumahan, pergelutan dengan dosa, dan banyak hal lagi. Sering kali pada akhir pertemuan seperti itu, saya memuji Tuhan atas dorongan yang kami telah berkongsi. Kami dibawa lebih dekat dengan satu sama lain dan kami dikuatkan semasa menghadapi cabaran hidup bersama.

Dengan merujuk kepada Firman Tuhan, pengalaman peribadi seperti ini mengingatkan saya tentang dua kebenaran yang utama.

Marilah melihat pada setiap kebenaran yang digunakan oleh Tuhan dalam kesakitan dan penderitaan bagi tujuan menyatukan kita dengan orang

percaya yang lain dalam Kristus.

I. Penderitaan Menolong Kita Melihat Keperluan Kita Akan Orang Percaya Yang Lain.

Apabila menggambarkan kesatuan semua orang percaya dalam Kristus, rasul Paulus menggunakan persamaan tubuh manusia (1 Korintus 12). Dia berkata bahawa kita memerlukan satu sama lain untuk berfungsi dengan betul. Paulus menggambarkan keadaan itu seperti ini: "Jika satu anggota tubuh menanggung penderitaan, semua anggota lain menanggung penderitaan juga. Jika satu anggota tubuh dipuji, semua anggota lain turut bersukacita. Kamu semua tubuh Kristus, dan setiap orang sebahagian daripada tubuh itu" (ayat 26-27).

Dalam suratnya kepada orang di Efesus, Paulus bercakap tentang Kristus, "Di bawah pimpinan-Nya, semua anggota tubuh yang

berlainan itu tersusun rapi, dan seluruh tubuh itu dihubungkan oleh sendi-sendi yang sudah tersedia. Oleh itu, apabila setiap anggota bekerja dengan sepatutnya, seluruh tubuh itu akan membesar dan menjadi kuat, kerana kasih” (Efesus 4:16).

Apabila kita mula mengenal apa yang dapat diberi oleh orang seiman kepada kita, barulah kita sedar berapa banyak yang diperoleh dengan meminta pertolongan mereka apabila kita melalui masa yang mencabar. Pada masa kesusahan seolah-olah menghabiskan kekuatan kita, kita boleh bersandar pada orang seiman yang lain untuk membantu kita mencari kekuatan baru dalam kuasa Tuhan.

2. Penderitaan Menolong Kita Memenuhi Keperluan Orang Lain Sementara Kita Mengizinkan Kristus Tinggal Dalam Kita.

Dalam 2 Korintus 1,

rasul Paulus menulis, “Marilah kita bersyukur kepada Allah, Bapa Tuhan kita Yesus Kristus. Dia Bapa yang berbelas kasihan dan Dia Allah yang sentiasa menolong kita. Dia menolong kami semasa kami mengalami kesusahan, supaya dengan pertolongan yang kami terima daripada Allah, kami pun dapat menolong semua orang yang mengalami kesusahan” (ayat 3-4).

Seperti yang kita nampak di bahagian sebelumnya, kita memerlukan satu sama lain kerana kita mempunyai sesuatu yang berharga untuk dikongsi. Kita sudah mendapat ilham dan hikmat rohani kerana kita telah melalui berbagai-bagai pengujian. Kita tahu nilai perhatian yang diberikan oleh orang yang mengasihi. Setelah kita mengalami penghiburan daripada Tuhan semasa menghadapi keadaan yang merunsingkan, kita

boleh memahami apa yang dirasakan oleh orang yang melalui keadaan yang sama.

Semasa bersiap untuk menulis buku ini, saya membaca pengalaman orang yang telah menderita banyak, dan saya bercakap-cakap dengan orang yang telah mengalami kesakitan. Saya mengkaji untuk mendapat tahu siapa yang paling menolong mereka pada masa kesusahan. Inilah jawapan yang selalu diberi: orang yang telah melalui pengalaman yang sama. Orang tersebut boleh berasa empati dengan lebih sungguh, dan komennya mencerminkan pengertian yang dihasilkan oleh pengalaman. Bagi seseorang yang menanggung beban berat, kata-kata seperti, "Saya faham apa yang anda sedang lalui." Ini kedengarannya kosong dan tidak sungguh-sungguh, kecuali orang itu sendiri telah melalui keadaan yang sama.

Walaupun penghibur yang

paling baik adalah orang yang telah melalui keadaan yang sama dan menjadi lebih kuat secara rohani melalui pengalaman tersebut, itu tidak bererti bahawa kita tidak perlu mengambil peduli. Kita semua mempunyai tanggungjawab untuk melakukan apa yang terdaya untuk turut merasakan kesedihan, mengerti, dan cuba memberikan penghiburan. Galatia 6.2 memberitahu kita, "Hendaklah kamu saling menolong memikul beban. Dengan cara demikian kamu akan mentaati perintah Kristus." Roma 12:15 juga menyatakan, "Bersukacitalah dengan mereka yang bersukacita, dan menangislah dengan mereka yang menangis."

Dr. Paul Brand, seorang pakar penyakit kusta menulis: Apabila penderitaan menimpa kita, orang di sekeliling kita yang sering berasa terkejut. Kita merasa hiba, berjalan dengan senyap ke

hospital untuk melawat, menggemamkan beberapa patah perkataan untuk memberi penghiburan, dan mungkin mencari artikel yang mengajar kita kata-kata yang patut diucapkan kepada orang yang bersedih.

Tetapi apabila saya bertanya kepada pesakit dan keluarga mereka, “Siapakah yang menolong anda semua ketika mengalami penderitaan?” Saya mendengar jawapan yang aneh dan seolah-olah tidak tepat. Orang yang dikatakan menolong sering kali bukan mereka yang mempunyai jawapan yang lancar, keperibadian yang menarik atau bersemangat. Orang yang paling menolong adalah seseorang yang tenang, mengerti, yang kebanyakan masa mendengar dan bukan bercakap, tidak menghakimi atau memberikan nasihat

banyak. “Orang yang berada di sisi saya.” “Seseorang yang hadir apabila saya memerlukan dia.” Tangan yang boleh dipegang, pelukan yang memahami meskipun belum betul-betul tahu apa yang terjadi. Perasaan hiba yang dirasakan bersama (*Fearfully And Wonderfully Made*, ms. 203-204).

Jelaslah—Tuhan menciptakan kita untuk saling bergantung kepada sesama. Kita boleh menolong mereka yang kesakitan, dan orang lain pun boleh menolong kita semasa kita menanggung kesukaran. Sementara kita mengembangkan kesatuan tersebut, kita akan mengalami keselesaan yang lebih besar ketika kita mengenal pasti Tuhan menggunakan penderitaan untuk memberi kita amaran terhadap masalah dosa, Dia menggunakan kesukaran untuk memimpin kita kepada-Nya, bahkan Dia menggunakan masalah untuk

membentuk kita sehingga menjadi lebih seperti Kristus.

“Singkatnya, tiada penyembuhan yang magik untuk orang yang dalam penderitaan. Kebanyakannya orang seperti ini memerlukan kasih, kerana dengan segera kasih akan mengesan apa yang diperlukan oleh seseorang.”

—Philip Yancey

BAGAIMANAKAH ANDA BOLEH MENOLONG?

Sekarang mungkin anda berasa amat menderita. Keinginan untuk menolong orang lain mungkin mustahil dilaksanakan.

Bagaimanapun, pada suatu ketika, apabila anda menerima penghiburan Tuhan, anda akan bersedia untuk memberikan penghiburan (2 Korintus 1). Sebenarnya, menghulurkan bantuan kepada orang lain mungkin merupakan sebahagian proses pemulihan emosi anda sendiri.

Atau mungkin anda membaca buku kecil ini dengan harapan supaya anda lebih berupaya menolong seorang kawan atau orang tersayang yang sedih. Cadangan-cadangan dalam bahagian ini diberi untuk anda juga.

Menolong orang lain mempunyai risiko. Pertolongan kita mungkin tidak selalunya disambut baik. Kadang-kadang

kita mungkin mengucapkan kata-kata yang salah. Tetapi kita mesti cuba menolong. Perumpamaan Yesus tentang Orang Samaria Yang Baik Hati (Lukas 10:25-37) mengingatkan kita bahawa kita bertanggungjawab untuk menolong orang sakit yang kita jumpa. Berikut adalah beberapa cadangan:

- Jangan tunggu orang lain untuk bertindak dahulu.
- Berusahalah untuk hadir bersama-sama mereka dan peganglah tangan mereka atau berikan pelukan yang sewajarnya.
- Fokuskan keperluan mereka dan bukan pada ketidakselesaan anda sendiri kerana tidak mempunyai jawapan yang memadai.
- Izinkan mereka meluahkan perasaan. Jangan persalahkan emosi mereka.
- Kajilah masalah mereka.
- Jangan berpura-pura bahawa anda tidak pernah menghadapi masalah.

- Kata-kata anda tidak perlu panjang.
- Elakkan daripada berkata, “Anda tidak seharusnya berasa seperti itu,” atau, “Anda tahu apa yang anda seharusnya buat.”
- Berdoa kepada Tuhan bersama dengan mereka.
- Selalu berhubung dengan mereka.
- Tolong mereka menyingkirkan rasa bersalah yang palsu dengan meyakinkan mereka bahawa penderitaan tidak semestinya hasil daripada dosa.
- Bantu mereka mendapatkan pengampunan dalam Kristus jika mereka menderita kerana dosa, atau jika mereka sedar akan beberapa dosa semasa merenungi kehidupan mereka.
- Dorong mereka mengimbas semula kesetiaan Tuhan pada masa lalu.

“Bersukacitalah dengan mereka yang bersukacita, dan menangislah dengan mereka yang menangis.”

—Roma 12:15

- Fokuskan teladan Kristus dan pertolongan-Nya.
- Ingatkan mereka bahawa Tuhan mengasihi dan menjaga kita, dan Dia tetap berkuasa ke atas segala sesuatu.
- Dorong mereka menjalani hari demi hari.
- Dorong mereka untuk meminta pertolongan yang diperlukan (daripada kawan-kawan, keluarga, pastor).
- Tolong mereka menyedari bahawa menangani kesusahan memerlukan masa.
- Ingatkan mereka tentang

kasih Tuhan yang menjaga seperti gembala (Mazmur 23).

- Peringatkan mereka tentang kekuasaan Tuhan atas alam semesta, baik perkara besar dan kecil dalam hidup.
- Jangan ketepikan masalah mereka.
- Jangan berpura-pura ketika cuba “menghiburkan mereka.” Hendaklah anda ikhlas. Jadilah kawan mereka seperti dahulu, sebelum kesusahan berlaku.
- Tunjukkan kasih yang anda inginkan orang lain tunjukkan kepada anda sekiranya anda dalam keadaan mereka.
- Jadilah pendengar yang baik.
- Turut berasa kepedihan mereka.
- Berilah mereka masa untuk pulih. Jangan percepatkan proses dengan terburu-buru.

JAWAPAN YANG LEBIH MEMUASKAN

Kita berseru meminta jawapan lengkap. Namun, Tuhan menyerahkan diri-Nya sendiri, dan itu sudah cukup. Jika kita tahu kita boleh percaya kepada-Nya, kita tidak perlu penjelasan lengkap. Cukuplah untuk mengetahui bahawa kesakitan dan penderitaan kita tidak sia-sia. Cukuplah untuk mengetahui bahawa Tuhan masih memerintah alam semesta dan Dia benar-benar mempedulikan setiap kita.

Bukti terbesar bahawa Tuhan mempedulikan kita boleh dilihat dengan memandang kepada Yesus Kristus. Tuhan begitu mengasihi dunia kita yang menderita sehingga Dia mengutus Anak-Nya untuk menderita dan mati bagi kita, supaya kita dibebaskan daripada hukuman abadi (Yohanes 3.16-18). Oleh sebab

Yesus, kita boleh mengelakkan kesakitan yang paling teruk, iaitu berpisah daripada Tuhan sampai selamanya. Oleh sebab Kristus, kita dapat menanggung tragedi yang paling buruk pun kerana kekuatan dan harapan yang diberi-Nya kepada kita.

*Kita menyeru untuk
jawapan lengkap.
Namun,
Tuhan menyerahkan
diri-Nya sendiri.*

Langkah pertama untuk menangani masalah penderitaan secara realistik adalah menyedari punca penderitaan adalah kerana dosa masuk ke seluruh dunia. Sudahkah anda menyedari betapa sakitnya Yesus menderita di kayu salib untuk membebaskan anda daripada hukuman dosa? Taruhlah kepercayaan anda pada-Nya. Terimalah pengampunan

yang dianugerahkan-Nya.
Hanya dalam Dia anda dapat
menyelesaikan masalah kekal
tentang penderitaan yang
menimpa hidup anda dan
dunia ini.

Nota
